

Selangor rampas tanah jadi tapak pelupusan sampah haram

Langkah tangani masalah bau busuk mengganggu 10,000 penduduk di Puncak Jalil, Bukit Serdang

Oleh Ahmad Suhael Adnan
ahmad.suhael@bh.com.my

Seri Kembangan: Kerajaan Selangor akan merampas tanah seluas lebih sembilan hektar di sini, yang dijadikan tapak pelupusan sampah haram hingga menyebabkan pencemaran kolam takungan serta bau busuk di Puncak Jalil dan Bukit Serdang, di sini.

Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari, berkata demikian selepas meninjau tapak pembuangan sampah haram di Bukit Serdang, semalam yang

menyebabkan lebih 10,000 penduduk terganggu dengan bau busuk, sejak beberapa bulan lalu.

Berdasarkan tinjauan itu, beliau mendapati isu bau busuk berkenaan berpunca daripada 'leachate' (bahan larut resap) atau air daripada sampah yang mengalir ke kolam berhampiran tapak pembuangan sampah haram.

Kolam itu kemudian mengalirkan 'leachate' berkenaan melalui Kinrara sehingga ke kolam takungan di Puncak Jalil, menyebabkan penduduk di kawasan berkenaan menghidu bau busuk, khususnya pada waktu malam dan ketika hujan.

Ambil 15 lot tanah

Amirudin berkata, kerajaan negeri sudah mengambil 15 lot tanah sejak beberapa bulan lalu dan dijangka mampu diselesaikan seawal hujung tahun ini, jika mendapat kerjasama semua pemilik tanah.

"Kita sudah keluarkan Notis 7A Kanun Tanah Negara untuk meminta pemilik tanah merawat



Amirudin (tengah, depan) diberi taklimat mengenai tapak pelupusan sampah haram di Seri Kembangan, kelmarin. (Foto Owee Ah Chun /BH)

dan membersihkan kawasan yang terkesan.

"Proses ini ambil masa sekurang-kurangnya tiga bulan dan ia sudah tamat sekitar Jun atau Julai lalu.

"Sekarang, kita sudah se-rahkan Notis 7B kepada pemilik,

namun saya jangka akhir tahun ini pun kita boleh selesaikan (proses rampasan tanah)," katanya kelmarin.

Yang turut hadir, Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kerajaan Tempatan, Pengangkutan Awam dan Pembangunan Kampung

Baru Selangor, Ng Sze Han; Pengerah Jabatan Alam Sekitar (JAS) Selangor, Nor Aziah Jaafar; Datuk Bandar Subang Jaya, Datuk Johary Anuar dan Pegawai Daerah Petaling, Mohd Jusni Hashim.

Terdahulu, tinjauan ke lokasi pembuangan sampah haram itu mendapati kebanyakan sampah sudah diuruskan kerajaan negeri, namun kelihatan air hitam yang berbau busuk mengalir ke dalam kolam.

Kawasan pembuangan sampah haram itu juga dilihat tidak terurus dengan laluan tanpa tar yang berlopak, manakala laluan masuk diletakkan palang besi.

Amirudin berkata, pelupusan sampah haram di situ berjalan sejak 2015, namun kerajaan negeri sudah menghentikannya sejak lebih setahun lalu.

"Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) sudah melakukan beberapa tindakan, antaranya kompaun RM25,000 sebanyak dua tiga kali dan semuanya dibayar.